

SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2017/01/09 (HQ)

TNB KEKAL BERTAHAN MENGHADAPI CABARAN EKONOMI GLOBAL

3 bulan berakhir 30 November 2016 (suku pertama TK2017)

- Keuntungan Selepas Cukai susut sebanyak 8.9% kepada RM1.79 bilion, terutamanya disebabkan oleh Kerugian Translasi Tukaran Wang Asing sebanyak RM0.23 bilion
- Pendapatan meningkat sebanyak 5.3% kepada RM11.24 bilion, didorong oleh pertumbuhan permintaan unit elektrik sebanyak 3.6% bagi Semenanjung Malaysia
- Pelaburan berterusan dalam perbelanjaan modal (capex) sebanyak RM2.07 bilion

Kuala Lumpur, 24 Januari 2017 – Tenaga Nasional Berhad (TNB) hari ini mengumumkan Keuntungan Selepas Cukai sebanyak RM1.79 billion bagi suku pertama Tahun Kewangan berakhir 31 Ogos 2017 (TK2017). Penyusutan keuntungan sebanyak 8.9% ini adalah terutamanya disebabkan oleh pengukuhan nilai dolar Amerika Syarikat (AS) berbanding nilai Ringgit dalam tempoh 3 bulan berakhir 30 November 2016 (suku pertama TK2017). Hasilnya, Kumpulan mencatat kerugian translasi tukaran wang asing sebanyak RM0.23 bilion berbanding RM0.06 billion yang direkodkan pada tempoh sama tahun lalu.

Bagi memberi gambaran yang lebih baik berkenaan prestasi Kumpulan, pelarasan telah dibuat bagi impak translasi tukaran wang asing dan insentif elaun pelaburan semula. Lanjutan ini, Keuntungan Selepas Cukai yang Diselaraskan bagi suku pertama TK2017 kekal stabil pada RM1.69 bilion berbanding RM1.63 bilion yang dicatat pada tempoh sama tahun lalu.

Semenanjung Malaysia (Gwh)	3-bulan	
	TK2017	TK2016
Jualan Unit Elektrik	27,811.3	26,846.2

Kumpulan (RM juta)	3-bulan	
	TK2017	TK2016
Keuntungan Selepas Cukai	1,788.5	1,962.2
Tukaran Wang Asing (Keuntungan) / Kerugian	231.2	58.5
Elaun Pelaburan Semula	(331.5)	(388.0)
Keuntungan Selepas Cukai yang Diselaraskan	1,688.2	1,632.7

Peningkatan 3.4% Keuntungan Selepas Cukai yang Diselaraskan ini adalah hasil daripada peningkatan pendapatan sebanyak 5.3% kepada RM11.24 bilion berbanding RM10.68 billion yang dicatat pada suku pertama TK2016. Peningkatan ini terutamanya disebabkan oleh peningkatan permintaan unit elektrik sebanyak 3.6% di Semenanjung Malaysia, di mana sebahagian besarnya disumbangkan oleh sektor komersial dan domestik.

Pada suku pertama TK2017, Kumpulan terus melabur dalam perbelanjaan modal (capex) bagi memastikan keperluan kapasiti tenaga negara dan keseluruhan kecekapan, keselamatan dan daya harap sistem dapat dikekalkan. Kini, terdapat tiga projek penjanaan yang sedang dilaksanakan iaitu projek Manjung 5, Jimah East Power dan Tembat dengan kapasiti keseluruhan melebihi 3,000 megawatt. Projek-projek tersebut dijadualkan siap di antara tahun 2017 hingga 2019, dan pada suku pertama TK2017, pelaburan perbelanjaan modal bagi projek-projek berkenaan mewakili 45.4% daripada keseluruhan pelaburan perbelanjaan modal Kumpulan yang berjumlah RM2.07 billion.

Dalam suku tahun ini juga iaitu pada 19 Oktober 2016, TNB membuat terbitan pertama bagi sukuk antarabangsa berjumlah USD0.75 bilion melalui Program Sukuk Matawang Pelbagai TNB. Terbitan sukuk berkenaan berjaya memastikan keberkesanan dan kecekapan kunci kira-kira Kumpulan melalui nisbah hutang berbanding ekuti (gearing) yang lebih baik, iaitu pada kadar 40.7% bagi suku pertama TK2017 berbanding 32.6% pada suku pertama TK2016.

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Seri Ir. Azman Mohd berkata, "TNB berjaya memperoleh kadar kupon terendah pada 3.24%, iaitu kadar kupon terendah bagi sukuk antarabangsa bertempoh sepuluh tahun oleh syarikat korporat Malaysia. Ini memaparkan keyakinan pasaran global terhadap TNB, justeru membolehkan TNB seterusnya memanfaatkan kecairan pasaran antarabangsa untuk membiayai pertumbuhan Kumpulan di masa hadapan, terutamanya di peringkat pasaran global.

“Kami yakin terhadap prospek pertumbuhan masa hadapan TNB dan yang paling penting, potensi TNB untuk memberikan nilai yang lebih baik kepada para pemegang saham kita menerusi aspirasi syarikat untuk menjadi Juara Domestik dan Serantau (DRC). Namun kami sedar akan wujudnya pelbagai cabaran dan risiko dalam landskap ekonomi semasa, topik yang kini hangat diperkatakan di seluruh dunia.”

Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) melalui World Economic Outlook Update yang terkini telah menekankan tentang risiko terhadap pertumbuhan global yang dijangka menjurus ke arah kemerosotan, terutama dalam jangka masa sederhana. Di peringkat domestik pula, Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) pada 19 Januari 2017 telah menurunkan unjuran pertumbuhan KDNK sebenar kepada 4.5% bagi tahun 2017, terendah dalam lingkungan unjuran asal iaitu 4.5% hingga 5.5%, berikutan kemunculan beberapa risiko kemerosotan pertumbuhan global.

Berdasarkan senario ini, Lembaga Pengarah menyedari potensi perkembangan ketidakseimbangan pasaran global beserta pergerakan turun naik kadar tukaran matawang adalah risiko yang mencabar bagi Kumpulan. Justeru, Lembaga Pengarah kekal berwaspada dengan prospek Kumpulan bagi Tahun Kewangan 2017.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 5:30 petang, 24 Januari 2016

*Sila kemukakan sebarang pertanyaan Nor Hanim Idris at 019-2617617
/ Puti Mazlina Mashudi di 013-3642727*

media@tnb.com.my

Sorotan Kewangan

	3-bulan berakhir 30 November	
RM' Juta		
Jumlah pendapatan	11,241.6	10,676.8
Perbelanjaan operasi	(9,086.1)	(8,418.4)
Pendapatan operasi lain	184.1	139.3
	<u>2,339.6</u>	<u>2,397.7</u>
Lebihan operasi (EBIT)		
	(278.3)	(259.7)
	(231.2)	(58.5)
Kos kewangan		
Keuntungan/ (Kerugian) Tukaran Wang Asing	1,971.7	2,034.5
Keuntungan bersih (sebelum Keuntungan / (Kerugian) Tukaran Wang Asing	1,740.5	1,976.0
Keuntungan bersih dibayar kepada pemilik syarikat		
	30.79 sen	35.01 sen
Pendapatan sesaham		

Mengenai Tenaga Nasional Berhad

Aktiviti teras TNB merangkumi bidang penjanaan, penghantaran dan pembahagian tenaga elektrik. Selain syarikat penjana elektrik utama negara, TNB turut menghantar dan membahagikan elektrik ke seluruh Semenanjung Malaysia, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Sehingga 31 Ogos 2016, TNB membekalkan elektrik kepada 9.1 juta pelanggan.

Melalui anak-anak syarikatnya, TNB turut terlibat dalam aktiviti pembuatan alat ubah, perkakas suis dan kabel bervoltan tinggi; perkhidmatan perundingan profesional, pembinaan, operasi dan penyenggaraan kemudahan penyjukan daerah, peralatan penjanaan, pembaikan dan penyenggaraan, perkhidmatan pembekalan bahan api; perkhidmatan berkenaan dengan tenaga diperbaharui, kecekapan tenaga dan kualiti kuasa; pengajian tinggi dan latihan kemahiran serta menjalankan kajian dan pembangunan.

Sebagai pembekal tenaga elektrik yang bersepadu, TNB telah dan akan meneruskan peranan pentingnya dalam menggerak kemajuan negara.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.tnb.com.my.